

<p>NAMA MURID :</p> <p>.....</p> <p>TINGKATAN :</p> <p>.....</p> <p>NAMA GURU MATAPELAJARAN</p> <p>.....</p> <p>MARKAH :</p> <p>.....</p>	<p><b>SMK TINJAR , BARAM</b></p> <p><b>PEPERIKSAAN AKHIR</b></p> <p><b>TAHUN 2013</b></p> <p><b>PENDIDIKAN MORAL</b></p> <p><b>TINGKATAN 2</b></p> <p><b>MASA : 1 JAM</b></p>
<p><b>ARAHAN :</b></p> <p>1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A : 20 soalan objektif , Bahagian B : 8 soalan berstruktur</p> <p>2. Jawab SEMUA soalan dalam bahagian A dan Bahagian B dalam ruangan yang disediakan.</p>	

**BAHAGIAN A [ 40 markah]**

**Jawab semua soalan. Bulatkan jawapan yang betul.**

1. Bilakah diiktiraf sebagai Hari Hak Pengguna Sedunia?  
A 15 Mac                      B 16 Mac                      C 17 Mac                      D 18 Mac
2. Memasak 'nasi kesyukuran' merupakan amalan adat dan tradisi kaum...  
A Sikh                      B Cina                      C India                      D Melayu
3. Yang manakah berikut TIDAK menggambarkan amalan bersikap amanah dalam kehidupan seharian pelajar?  
A Menyimpan rahsia kawan                      B Memulangkan wang yang dipinjam  
C Menyampaikan pesanan kepada guru                      D Menumpukan perhatian semasa guru mengajar
4. Yang manakah berikut BUKAN merupakan hak asasi pengguna?  
A Hak untuk membuat pilihan                      C Hak untuk mendapatkan keperluan asas  
B Hak untuk merancang pembelian                      D Hak untuk menikmati alam sekitar yang sihat dan selamat
5. Azman : Devi, kenapa keputusan peperiksaan kamu merosot?  
Devi : Saya banyak ketinggalan kelas kerana menghadiri latihan bola baling.  
  
Devi perlu mengamalkan nilai.....  
A Kerajinan    B Hemah Tinggi    C Kesederhanaan    D Mematuhi peraturan dan undang-undang
6. Bagi saya, walau di mana saya berada saya masih rakyat Malaysia dan saya mahu memperkenalkan Malaysia dengan hasil usaha saya mencipta pelbagai ciptaan yang menarik.  
  
Nilai yang ada pada 'saya' ialah .....  
A Kerajinan                      B Kasih sayang  
C Cinta akan Negara                      D Penglibatan diri dalam pembangunan negara

7. Semasa pulang dari sekolah, anda terdengar jeritan dan tangisan seorang kanak-kanak. Anda mengesyaki bahawa kanak-kanak itu telah didera oleh penjaganya. Anda berasa simpati dan kasihan mendengar jeritan dan tangisan tersebut.

Nilai yang perlu diamalkan oleh anda ialah.....

- A Membela hak kanak-kanak  
B Melindungi hak kanak-kanak  
C Memelihara hak kanak-kanak  
D Memberi naungan kepada kanak-kanak

8. Anda diminta berjumpa dengan guru kaunseling sekolah kerana anda sering ponteng kelas. Guru kaunseling mendengar pandangan anda dan memberikan pendapatnya tentang masalah anda.

Nilai yang ada pada guru kaunseling ialah.....

- A Toleransi  
B Kasih sayang  
C Sikap keterbukaan  
D Kebebasan bersuara

9. Anda dan adik-adik selalu bermain di halaman rumah. Adik-adik anda sering menjerit-jerit ketika bermain. Pada suatu hari, jiran anda telah menegur anda dan adik-adik kerana selalu membuat bising.

Nilai yang sepatutnya diamalkan oleh anda dan adik-adik ialah...

- A Keadilan  
B Harga diri  
C Bertanggungjawab  
D Hidup bersama secara aman

10. Yang manakah berikut adalah definisi untuk nilai kasih sayang?

- A Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas  
B Perasaan kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas  
C Kepekaan terhadap cinta dan kasih yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas  
D Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas

11. Yang manakah berikut adalah definisi untuk nilai sikap keterbukaan?

- A. Bersedia memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia  
B. Bersedia memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta dan norma masyarakat Malaysia  
C. Bersedia memberi dan menerima segala pandangan dan pembaharuan berdasarkan kebenaran fakta  
D. Bersedia memberi, menerima dan menghormati pandangan, dan pembaharuan selaras dengan norma masyarakat Malaysia

12. Yang manakah berikut merupakan ciri-ciri orang yang bersikap sederhana dalam pergaulan?

- I Dapat mengawal perasaan  
II Tidak keterlaluan dalam pertuturan  
III Tidak menyinggung perasaan orang lain  
IV Melakukan sesuatu yang baik untuk diri sendiri dan orang lain  
A I dan II  
B II dan III  
C II, III dan IV  
D I, II, III dan IV

13. Yang manakah berikut merupakan kata kunci untuk nilai kemapanan alam sekitar?

- I Kualiti kehidupan terpelihara  
II Tanggungjawab bersama  
III Memelihara alam sekeliling  
IV Pengekalan keseimbangan alam sekeliling  
A I dan II  
B II dan III  
C II dan IV  
D III dan I

14. Yang manakah berikut merupakan kata kunci untuk nilai melindungi hak pekerja?

- I Menghormati perkhidmatan, jasa dan sumbangan pekerja  
II Menghargai perkhidmatan, jasa dan sumbangan pekerja  
III Mengiktiraf perkhidmatan, jasa dan sumbangan pekerja  
IV Memuliakan perkhidmatan, jasa dan sumbangan pekerja  
A I dan II  
B II dan III  
C I, II dan III  
D I, II, III dan IV

15. Yang manakah berikut merupakan kenyataan yang benar tentang perayaan yang disambut oleh kaum pribumi di Sabah dan Sarawak?

- I Pesta Gawai disambut dan diamalkan oleh kaum Dayak
  - II Pesta Keamatan disambut dan diamalkan oleh kaum Dayak
  - III Pesta Gawai disambut dan diamalkan oleh kaum Kadazan Dusun
  - IV Pesta Keamatan disambut dan diamalkan oleh kaum Kadazan Dusun
- A II sahaja                                 B I dan III  
C I dan IV                                    D II dan III

16. Mary telah ditegur oleh guru kerana sentiasa lewat ke sekolah.

Nilai yang perlu diamalkan oleh Mary ialah...

- I rasional                                   II berdikari
  - III kesederhanaan                       IV bertanggungjawab
- A I dan II                                    B I dan IV  
C I, II dan IV                              D I, II, III dan IV

17 Ayah : Raju, ayah harap kamu janganlah terlibat dalam aktiviti yang menjejaskan nama baik diri dan keluarga.

Nilai yang perlu diamalkan oleh Raju ialah...

- I Rasional                                 II Toleransi
  - III Kerajinan                             IV Harga diri
- A I dan IV                                   B II dan III  
C I, II dan IV                              D I, II, III dan IV

18. Penguatkuasaan peraturan dan undang-undang jalan raya di negara kita adalah di bawah tanggungjawab...

- I Jabatan Perhubungan Malaysia   II Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
  - III Bahagian Trafik, Polis Diraja Malaysia                             IV Bahagian Kompaun, Polis Diraja Malaysia
- A I dan II                                     B II dan III  
C III dan IV                                 D I, II, III dan IV

19. Yang manakah berikut merupakan Perkara II dalam Perlembagaan Negara yang memperuntukkan kebebasan beragama kepada rakyat Malaysia?

- I Hari sambutan upacara keagamaan bagi agama-agama utama merupakan cuti am.
- II Seseorang tidak boleh menyekat orang lain daripada menjalankan aktiviti keagamaan.
- III Penganut setiap agama diberikan kebebasan untuk meraikan upacara keagamaan masing-masing.
- IV Semua agama adalah agama rasmi di negara ini.

- A I, II dan III                                 B I, III dan IV  
C II, III dan IV                                D I, II, III dan IV

20 .     Jikalau tuan mengangkat peti  
          Tolong masukkan buah kelapa  
          Jikalau semua negara bersatu hati  
          Hidup aman sejahtera bersama

Berdasarkan pantun di atas, nilai yang perlu diamalkan oleh semua negara ialah.....

- I Toleransi   II Hidup bersama secara aman
- III Saling menghormati antara Negara                                 IV Saling membantu dan bekerjasama

- A I, II dan II                                    B I, II dan IV  
C II, III dan IV                                D I, II, III dan IV

## **BAHAGIAN B [60 markah]**

**Jawab semua soalan.**

1 Berikut ialah perbualan antara ibu dengan anak.

Ibu : Mana wang baki yang ibu beri untuk beli buku rujukan tempoh hari?

Anak : Ibu, saya telah beli sebatang pensel dengan wang baki tersebut.

Ibu : Lain kali, jika hendak gunakan wang baki mestilah beritahu ibu.

Anak : Saya minta maaf ibu. Lain kali saya tidak buat lagi.

(a) Berikan dua nilai yang perlu diamalkan oleh anak.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(b) Terangkan maksud bagi kedua-dua nilai yang dinyatakan di (a).

(i) .....

.....

(ii) .....

..... [4 markah]

(c) Tuliskan dua contoh perlakuan lain anak perlu memberitahu ibu apabila melakukan sesuatu perkara.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(d) Nyatakan dua kesan jika anak melakukan sesuatu tanpa pengetahuan ibu.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

2 Grafik berikut menunjukkan beberapa contoh badan beruniform yang ada di sekolah.

BADAN BERUNIFORM--Kadet Remaja Sekolah, Pengakap, St John Ambulance

(a) Tuliskan dua contoh lain badan beruniform yang ada di sekolah anda.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(b) Nyatakan dua kebaikan menyertai badan beruniform tersebut.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(c) Berikan dua nilai yang ada pada pelajar yang menyertai badan beruniform sekolah.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(d) Terangkan maksud bagi satu nilai yang dinyatakan di (c).

.....  
..... [2 markah]

(e) Selain menyertai badan beruniform, nyatakan dua cara pelajar boleh lakukan untuk mengisi masa dengan berfaedah.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

3 Berikut ialah catatan kehidupan seorang remaja bernama Molly.

- Anak sulung daripada tujuh orang beradik
- Setiap pagi, membantu ibu menyediakan sarapan
- Selepas sekolah, membantu ayah di ladang
- Berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran

(a) Berikan dua nilai yang diamalkan oleh Molly terhadap keluarganya.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(b) Terangkan maksud bagi satu nilai yang dinyatakan di (a).

.....  
..... [2 markah]

(c) Nyatakan tiga cara yang boleh dilakukan oleh Molly untuk membantu keluarganya apabila berjaya dalam hidup.

(i) .....

(ii) .....

(iii) ..... [3 markah]

(d) Tuliskan tiga sebab seseorang anak perlu mengingati jasa dan pengorbanan ibu bapanya.

(i) .....

(ii) .....

(iii) ..... [3 markah]

4 Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan pertandingan 'Anugerah Sekolah 3K'. Pertandingan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang bersih dan ceria. Setiap tahun, beberapa buah sekolah menerima anugerah 3K daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

(a) Nyatakan maksud 3K.

..... [1 markah]

(b) Nyatakan tiga kawasan di sekolah anda yang dinilai dalam pertandingan tersebut.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) ..... [3 markah]

(c) Berikan dua nilai yang ingin diterapkan kepada pelajar melalui pertandingan itu.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(d) Terangkan maksud bagi satu nilai yang dinyatakan di (c).

.....  
 ..... [2 markah]

(e) Tuliskan dua kesan persekitaran sekolah yang kotor.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

5 Berikut ialah luahan seorang pelajar yang berpeluang menyertai kerja amal di sebuah kawasan pedalaman.

Saya berasa gembira dapat menyertai kerja amal di kampung ini. Ramai anggota sukarela turut menyertai aktiviti ini termasuklah doktor, guru dan peguam, dan orang kampung. Antara kerja amal yang dilakukan ialah memberi bimbingan asas Bahasa Inggeris kepada murid sekolah rendah, mendermakan bahan bacaan, memberi khidmat kesihatan dan membantu memperbaiki dewan orang ramai yang rosak. Bagi saya, anggota sukarela penting kepada negara. Jika ramai rakyat sanggup berkorban untuk negara, seperti anggota sukarela ini, pasti negara kita akan bertambah makmur

(a) Terangkan maksud nilai yang terdapat dalam luahan pelajar tersebut.

.....  
 ..... [2 markah]

(b) Nyatakan tiga kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) ..... [3 markah]

(c) Tuliskan dua contoh kerja amal lain yang boleh anda sertai di tempat tinggal anda.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(d) Berikan dua nilai yang ada pada sukarelawan yang berkhidmat untuk masyarakat dan negara.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(e) Namakan satu pertubuhan sukarela yang ada di Malaysia.

..... [1 markah]

6 Ibu saudara anda ialah seorang jurutera di sebuah syarikat. Pihak syarikat telah menyediakan sebuah kereta kepada setiap jurutera lelaki. Ibu saudara anda tidak diberikan kereta syarikat kerana majikannya berpendapat jurutera wanita hanya perlu bertugas dalam pejabat sahaja. Ibu saudara anda tidak berpuas hati.

(a) Nyatakan dua nilai yang perlu diamalkan oleh majikan tersebut.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(b) Terangkan maksud bagi kedua-dua nilai yang dinyatakan di (a).

(i) .....

(ii) ..... [4 markah]

(c) Berikan dua jenis hak wanita yang perlu dihormati oleh semua orang.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(d) Nyatakan satu tindakan yang boleh diambil oleh ibu saudara anda bagi mengatasi masalah tersebut.

.....

..... [1 markah]

(e) Tuliskan tarikh Hari Wanita disambut di seluruh dunia setiap tahun.

..... [1 markah]

## KERTAS SOALAN TAMAT

Hak milik Panitia Pendidikan Moral dbm/smktingjar/pk1